

# Tele-persidangan di sekolah pedalaman

Kesedaran tentang pentingnya pendidikan di kawasan pedalaman semakin tinggi dan semua ibu bapa mahukan anak mereka mendapat pendidikan sempurna

ABDULLAH  
AHMAD  
BADAWI

Oleh ABDUL HALIM HADI

**KUCHING** 18 April - Semua sekolah di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah akan dilengkapi kemudahan tele-persidangan bagi meningkatkan kualiti pendidikan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengarahkan semua sekolah di pedalaman disediakan kemudahan asas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai keperluan untuk tele-persidangan.

"Kesedaran tentang pentingnya pendidikan di kawasan pedalaman semakin tinggi dan semua ibu bapa mahukan anak mereka mendapat pendidikan sempurna.

"Kaedah ini juga diharap dapat mengatasi masalah kekurangan guru di sesetengah sekolah di pedalaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan, dekat sini hari ini.

Abdullah berkata, kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan sewajarnya untuk keperluan rakyat.

Menurutnya, kemudahan tele-persidangan itu kelak juga dapat dimanfaatkan oleh guru untuk bertukar-tukar pandangan serta mendapatkan panduan kaedah pendidikan terkini walaupun di kawasan pedalaman.

"Kita tidak mahu anak di kawasan pedalaman ketinggalan daripada mendapat pendidikan sempurna yang membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan seterusnya ke universiti," katanya.

Pada masa yang sama, Abdullah juga mahu guru di kawasan pedalaman melengkapkan diri dengan pengetahuan ICT.

Menurutnya, ini bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemudahan yang disediakan kerajaan, sekali gus dapat mengajar murid dengan kemahiran tersebut.

Kerajaan, katanya, memang sedar kekurangan kemudahan yang dihadapi oleh penduduk di pedalaman dan masalah itu akan cuba diatasi segera.

Beliau berkata, kemudahan asrama juga akan ditambah bagi menempatkan anak dari kawasan pedalaman kerana kerajaan tidak dapat menyediakan sekolah untuk satu atau dua buah keluarga sahaja.

Oleh itu, katanya, anak berkenaan perlu ditempatkan di asrama dan mengikuti pendidikan di sekolah yang disediakan bagi keseluruhan kawasan terbabit.

Menurut Abdullah, pendidikan di peringkat rendah dan menengah perlu diberi perhatian kerana merupakan asas kepada Pembangunan modal insan yang menjadi salah satu perkara penting untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Selain itu katanya, Universiti tempatan perlu memberi penekanan ke arah melahirkan graduan bermoral tinggi dan bukan hanya mempunyai kekuatan mental serta fizikal semata-mata.

Perdana Menteri berkata, penekanan kepada moral tinggi akan dapat menghasilkan graduan yang bukan sahaja mempunyai tahap intelek yang tinggi, tetapi juga berhemah tinggi.

Abdullah berkata, insan bermoral serta berhemah tinggi dapat mengelakkan mereka daripada terjebak dengan gejala rasuah apabila berkhidmat dalam sektor swasta atau kerajaan.

"Bukan saya kata yang ada sekarang tidak bersih, tetapi ia adalah usaha penambahan nilai kepada yang sedia ada," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) selepas merasmikan kampus tetap Unimas di Kota Samarahan, Kuching, semalam.

Pada sidang akhbar selepas itu Abdullah melahirkan rasa puas hatinya terhadap pencapaian Unimas yang memperoleh pengiktirafan di Geneva, Switzerland bagi kajian yang

dijalankan.

Menurut beliau, sebagai sebuah universiti baru ia merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan.

Pembinaan kampus baru Unimas bermula Mei 2002, siap pada akhir 2005 menelan kos RM980 juta bagi menggantikan kampus sementara yang ditubuhkan pada 1992.